



## PERASMIAN KEMPEN *LET'S DO IT RIGHT* ANJURAN SWCORP



Pada 10 Februari 2020, YBM Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Ibni Raja Ahmad Baharuddin Shah, YB Timbalan Menteri KPKT telah menyempurnakan Program Jalinan Kerjasama “*Let's Do It Right*” peringkat Negeri Kedah 2020. Turut hadir pada program ini adalah YB Tan Kok Yew, Exco Industri & Pelaburan, Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Kedah, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Teknikal) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Encik Abd Aziz bin Hassan, Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUK Negeri Kedah serta ahli kehormat yang lain. Kempen ini dilaksanakan dengan kerjasama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pengurusan Awam (SWCorp) Negeri Kedah, Majlis Bandaraya Alor Setar dan Environment Idaman Sdn Bhd (EISB).

Kempen “*Let's Do It Right*” Peringkat Negeri Kedah Tahun 2020 ini bertujuan menjalankan kerjasama antara pihak kerajaan dengan swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Program ini merupakan usaha murni bagi membudayakan amalan kebersihan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Kedah dengan tagline #keliakedahbersih.

Kempen ini juga merupakan platform terbaik untuk mendekatkan lagi masyarakat tentang budaya menjaga kebersihan persekitaran dan kepentingan menjaga kebersihan tanggungjawab dengan baik.



Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program berlangsung adalah perletakkan *Frame of Alor Setar* di Medan Bandar yang membawa mesej kebersihan persekitaran dan memupuk budaya amalan kitar semula. Edaran pelekat kenderaan bagi kempen "jangangunalah" bagi mempromosikan pengurangan penggunaan plastik dan *walkabout* di Pekan Cina dan Lorong Caffe Diem sebagai inisiatif menjadikan lorong terbiar menjadi tempat tarikan pengunjung.

Inisiatif-inisiatif yang dijalankan adalah usaha murni untuk rakyat sentiasa menjaga kebersihan persekitaran dan juga memberi fokus untuk mengajak pelbagai pihak terutamanya pihak swasta dan NGO untuk sama-sama membantu pihak kerajaan dalam memastikan kebersihan persekitaran terpelihara tanpa perlu menyerahkan tugas tersebut kepada pihak berkuasa sahaja. Sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 ini tempat-tempat tumpuan awam perlu diberi perhatian serius pelbagai pihak terutamanya berkenaan aspek kebersihan

Sumber: Unit Komunikasi Korporat